

**SYEIKH ABDUL QADIR BIN ABDUL RAHIM BUKIT BAYAS DAN
PANDANGAN FIQAH BELIAU DALAM KITAB
*MIR'AT AL-MU'MININ WA TADHKIRAH LI AL GHAFILIN***

**[SHEIKH ABDUL QADIR BIN ABDUL RAHIM BUKIT BAYAS AND HIS
JURISPRUDENTIAL VIEW IN THE BOOK *MIR'AT AL-MU'MININ*
AND *TADHKIRAH LI AL-GHAFILIN*]**

AZAM RASSID¹ & HASANULDDIN MOHD²

^{1*} Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA. E-Mail: azamrassid51@gmail.com

² Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA. E-Mail: hasanulddin@unisza.edu.my

Corressponding E-Mail: hasanulddin@unisza.edu.my

Received: 19 Januari 2024

Accepted: 20 Febuari 2024

Published: 31 Mac 2024

Abstrak: Proses Islamisasi di Alam Melayu banyak dibantu oleh pelbagai faktor yang dominan. Antaranya ialah melalui penulisan yang meluas, mencakupi karya-karya agama seperti kitab-kitab fiqah, tasawuf, dan tafsir yang banyak membantu dalam menyebarkan ajaran Islam. Penulisan sastera kitab ini memainkan peranan penting dalam membentuk budaya dan identiti Islam dalam masyarakat Melayu melalui warisan manuskrip yang masih kekal hingga sekarang. Antaranya ialah *Mir'at al-Mu'minin Wa Tadhkhirah li al-Ghafilinkarya* Syeikh Abdul Qadir bin Abdul Rahim Bukit Bayas, seorang ulama yang berasal dari Patani, namun telah berhijrah dan menetap di Terengganu sehingga akhir hayat beliau. Karya tersebut merupakan salah satu rujukan penting dalam bidang fiqh dan tasawuf, tetapi ia kurang dikenali dan hanya satu manuskrip yang ditemui setakat ini, menjadikan ia layak dikategorikan sebagai naskhah nadir. Kajian ini cuba memperkenalkan ketokohan Syeikh Abdul Qadir dan profil karya beliau ini serta memaparkan beberapa cetusan pandangan fiqah beliau yang boleh diambil daripada karya tersebut. Data kajian dikumpul daripada kajian kepustakaan dan metode dokumentasi. Ia dianalisis menggunakan metode analisis kandungan. Kajian mendapati Syeikh Abdul Qadir merupakan salah seorang ulama Melayu yang berperanan dalam menyampaikan ilmu agama khususnya fiqh dan tasawuf. Beberapa pandangan fiqah beliau dalam karya ini sangat menarik dan relevan untuk dikaji dan dimanfaatkan serta dijadikan panduan oleh generasi kontemporari.

Kata Kunci: Syeikh Abdul Qadir bin Abdul Rahim Bukit Bayas, *Mir'at Al- Mu'minin Wa Tadhkhirah Li Al Ghafilin*, pandangan fiqah

Abstract: The process of Islamization in the Malay Archipelago was greatly assisted by various dominant factors. Among them was the widespread writing, which included religious works such as books on fiqh, tasawuf, and tafsir, all of which played a significant role in spreading Islamic teachings. The literary writing of these religious texts played an important role in shaping the culture and Islamic identity within the Malay community through the manuscript heritage that has endured to this day. Among these works is **Mir'at al-Mu'minin wa Tadhkhirah li al-Ghafilin**, a work by Sheikh Abdul Qadir bin Abdul Rahim Bukit Bayas, a scholar from Pattani who migrated and settled in Terengganu until his death. This work is one of the important references in the fields of fiqh and tasawuf, but it is less known and has only one manuscript found so far, making it eligible to be categorized as a rare manuscript. This

study aims to introduce the significance of Sheikh Abdul Qadir and the profile of this work, as well as to highlight some of his jurisprudential view that can be derived from the work. Data for the study was collected through library research and documentary methods. It was analyzed using content analysis methods. The study found that Sheikh Abdul Qadir was one of the Malay scholars who played a key role in imparting religious knowledge, particularly in fiqh and tasawuf. Some of his jurisprudential view in this work are very interesting and relevant for study, and can be utilized as guidance by contemporary generations.

Keywords: Sheikh Abdul Qadir bin Abdul Rahim Bukit Bayas, Mir'at al-Mu'minin wa Tadzhkirah li al-Ghafilin, jurisprudential view

Cite This Article:

Azam Rassid & Hasanulddin Mohd. (2024). Syeikh Abdul Qadir bin 'Abdul Rahim Bukit Bayas dan pandangan fiqah beliau dalam Kitab *Mir'at al-Mu'minin wa Tadzhkirah li al-Ghafilin* [Sheikh Abdul Qadir bin Abdul Rahim Bukit Bayas and his jurisprudential view in The Book *Mir'at al-Mu'minin wa Tadzhkirah li al-Ghafilin*]. *UFUQ International Journal of Arts and Social Science Research*, 4(1), 15-26.

PENGENALAN

Syeikh Abdul Qadir merupakan salah seorang ulama Melayu yang kurang tersohor di Alam Melayu, namun tetap berpengaruh khususnya di Terengganu pada kurun ke-19. Peribadi beliau ditonjolkan melalui hasil karya beliau yang sangat bermanfaat. Karya-karya beliau merangkumi pelbagai bidang ilmu dan ditulis dalam bahasa Melayu. Penulisan ini termasuk bidang fiqh dan tasawuf. Banyak kajian telah dilakukan mengenai jasa dan sumbangan beliau. Antaranya ialah Data Kitab *Risalah Bayani Hukmil Bai'i war Riba* Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahim al-Fatani di Bukit Bayas Terengganu karya Mohd Shaghir Abdullah, kajian ini menerangkan tentang biografi dan karya Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas. Yang kedua ialah kajian yang bertajuk 'The Contribution of Shaykh Abdul Qadir Bukit Bayas in Islamic Jurisprudence and Social Harmony', kajian dan naskhah suntingan Muhammad Mustaqim Mohd Zarif dan Abdulloh Salleh, yang membincangkan isi kandungan kitab *Mir'at Al-Mu'minin Wa Tadzhkirah Li Al Ghafilin* serta mewujudkan naskah edisi suntingan seperti mentakrij hadis-hadis. Artikel mengenai kitab ini *Mir'at Al-Mu'minin Wa Tadzhkirah Li Al-Ghafilin*: Pengenalan Manuskip Nadir Karya Syeikh Abdul Qadir Bin Abdul Rahim Terengganu Dan Kepentingannya juga kajian yang dilakukan oleh Muhammad Mustaqim Mohd Zarif. Berdasarkan kajian yang disebutkan, masih belum ditemui kajian yang khusus tentang pandangan fiqh Syeikh Abdul Qadir dalam salah satu karyanya ini. Sehubungan itu, pandangan fiqh Syeikh Abdul Qadir dalam bidang agama akan ditelusuri melalui karya yang berjudul *Mir'at Al-Mu'minin Wa Tadzhkirah Li Al- Ghafilin*. Judul ini dipilih berbanding karya-karya beliau yang lain kerana ia membincangkan khusus tentang fiqh dan tasawuf. Ketokohan beliau dalam ilmu fiqh dan tasawuf terserlah dalam kitab *Mir'at Al-Mu'minin Wa Tadzhkirah Li Al-Ghafilin*. Kitab fiqh khususnya dalam tulisan Jawi memainkan peranan penting dalam mengumpulkan hukum-hakam fiqh yang diambil daripada puluhan kitab muktamad Mazhab Syafi'i. Ia berhasil menjadi rujukan utama bagi pelbagai kitab fiqh yang digunakan oleh masyarakat (Muhammad Farid Wajdi, 2021).

BIODATA RINGKAS SYEIKH ABDUL QADIR

Syeikh Abdul Qadir Bin Abdul Rahim Bukit Bayas ialah seorang ulama yang sangat disegani ketokohnanya dalam bidang agama. Nama penuh beliau ialah Wan Abdul Qadir bin Abdul Rahim bin Wan Deraman bin Wan Bakar bin Wan Isma'il bin Faqih 'Ali al-Malbari. Beliau merupakan seorang ulama di Tanah Melayu yang berketurunan Faqih Ali Malbari, putera Raja Bugis yang mengembara menuntut ilmu hingga ke Malabar, India dan kemudian tinggal di Patani (Wan Mohd Saghir, 1997). Pandangan lain pula mengatakan bahawa beliau berasal daripada keturunan Champa melalui seorang nakhoda berbangsa Cina yang kemudian menetap di Patani dan memeluk agama Islam (Hasanulddin Mohd, 2014). Oleh itu, beliau dipercayai berasal daripada Patani. Ada dakwaan yang menyebutkan bahawa beliau datang daripada nasab Rasulullah SAW, tetapi hal ini tidak dapat dipastikan kebenarannya. Syeikh Abdul Qadir adalah anak ketiga daripada enam orang adik-beradik dalam keluarganya (Mohd Ridzuan Mohamad, 2023). Lima orang adik beradik iaitu Wan Naji, Wan Safiah, Wan Ali, Wan Osman dan Wan Omar. (Rosdi Nik Ahmad, 2011). Syeikh Abdul Qadir dilahirkan di Patani, namun tidak diketahui tarikhnya secara tepat (Ahmad Fathy, 2002). Muhammad Mustaqim Mohd Zarif dan Abdulloh Salleh (2018) berpendapat masa yang lebih cenderung untuk dipilih adalah sekitar tahun 1770-1780 kerana dianggap sebagai tempoh yang munasabah. Berdasarkan kebiasaannya, guru dilahirkan lebih awal daripada muridnya, memandangkan murid beliau iaitu Tok Ku Tuan Besar yang lahir pada tahun 1795. Selain itu, beliau juga mungkin sempat berguru dengan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani (m. 1847) di Mekah pada penghujung abad tersebut (Muhammad Mustaqim, 2017).

Syeikh Abdul Qadir Abdul Rahim mendapat pendidikan awal di Pattani. Antaranya ialah Pondok Kuala Bekah, dan dipercayai termasuk Pondok Pauh Bok. Selepas itu, dia menyambung pelajarannya di Mekah dan juga dikatakan bersama Syeikh Daud al-Fatani. Malah, beliau juga dikatakan menuntut ilmu di Madinah al Munawwarah (Hasanulddin, 2017). Apabila pulang ke tanah air dan berhijrah ke Terengganu, namanya sudah dikenali sebagai seorang ulama. Nama-nama tokoh yang disebut sebagai guru-guru Syeikh Abdul Qadir adalah berkemungkinan besar disebabkan mereka hidup sezaman dengan Syeikh Abdul Qadir (Ahmad Fathy, 2002). Di negeri Terengganu, Syeikh Abdul Qadir menyampaikan ajaran Islam menurut mazhab Imam Syafi'i dan mengikuti akidah Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah. Beliau mengajar pelbagai bidang, termasuk bidang tauhid fiqh, tasawuf, dan lain-lain. Selain itu, beliau juga mendirikan sebuah masjid di Kampung Bukit Bayas dan memulakan institusi pengajian pondok mengikut tradisi keilmuan yang diwarisi di Patani. Disebabkan banyak memusatkan kegiatan keilmuannya di Bukit Bayas, beliau menjadi terkenal dengan gelaran Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas atau Tuan Bukit Bayas.

Sumbangan Syeikh Abdul Qadir sangat banyak, baik terhadap masyarakat awam atau kerajaan pada ketika itu. Sumbangan kepada kerajaan negeri terutamanya adalah ketika beliau dilantik sebagai Mufti Kerajaan Negeri Terengganu pada zaman Sultan Omar (Shahril Talib, 1995). Dengan bimbingannya sebagai mufti dan minat Sultan Omar terhadap agama, undang-undang kerajaan negeri dapat diselaraskan dengan semangat dan kehendak Islam. Syeikh Abdul Qadir meninggal dunia pada tahun 1864 Masihi dan dimakamkan di perkuburan Syeikh Ibrahim, Kuala Terengganu walaupun ada riwayat lain menyatakan di Bukit Bayas dan lain-lain (Hasanulddin, 2014 & Zurita, 2019).

PENGENALAN RINGKAS KITAB MIR'ATAL- MU'MININ WA TADHKIRAH LI AL GHAFILIN

Mir'at al- Mu'minin wa Tadhkirah li al Ghafilin ialah karya yang kedua yang dikarang oleh Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas. Hal ini jelas dinyatakan pada awal kitab:

هَذِهِ الرُّسْلَةُ الْفُسْمِيُّ مِنْ أَهْلِ الْمُؤْمِنِينَ وَتَذَكَّرُ لِلْغَافِلِينَ تَأْلِيفُ شِيْخُ الْعَلْمِ الْفَاضِلِ الشِّيْخِ عَبْدِ الْقَادِيرِ بْنِ الْمَرْحُومِ عَبْدِ الرَّجِيمِ التَّرْفَانِيِّ غَفَرَ اللَّهُ لَهُ وَلَوْلَاهُ يَعْلَمُ بِجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ

Maksudnya: Ini adalah satu risalah yang dinamakan *Mir'at Al- Mu'minin Wa Tadhkirah Li Al Ghafilin* karangan guru kita Al Alim lagi Fadil Syeikh Abdul Qadir Ibn Al Marhum Abdul Rahim Terengganu, semoga Allah mengampuninya dan kedua ibu bapanya dan orang Islam semuanya.

Karya pertamanya ialah *Risalah Fi Bayan Al Bay' Hukm Al Bay' Wa Al-Riba* dalam bidang muamalat. Manakala kitab kedua beliau yang ditemui ialah kitab *Mir'at Al- Mu'minin wa Tadhkirah Li Al Ghafilin*. Kitab ini masih belum dikenali oleh masyarakat oleh dan hanya mempunyai naskah tunggal untuk karya ini yang disimpan oleh pewarisnya di selatan Thailand. Dalam kajian dan naskhah suntingan Muhammad Mustaqim Mohd Zarif dan Abdulloh Salleh (2018), beliau membincangkan isi kandungan kitab *Mir'at Al- Mu'minin wa Tadhkirah Li Al Ghafilin* serta peranannya kepada masyarakat Terengganu. Beliau juga memberikan penerangan secara umum dan menyeluruh mengenai kitab tersebut. Dalam penulisan itu, penulis menerangkan secara terperinci mengenai keadaan kitab berdasarkan lawatan penulis ke tempat simpanan kitab.

Kitab *Mir'at Al- Mu'minin wa Tadhkirah Li Al Ghafilin* ini adalah satu kitab dalam fiqh dan juga terdapat aspek tasawuf yang dihasilkan karya Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas. Hal ini boleh dilihat daripada isi kandungannya. Umumnya, kitab ini dibahagikan kepada lima bab yang besar mengikut perbahasan yang terdapat dalam karya ini.

- a. Bab peringatan mengenai kematian
- b. Bab kejadian matahari dan bulan dan perjalanan keduanya
- c. Bab hukum zakat emas dan perak serta pakaian yang diharamkan
- d. Bab galakan bersedekah dan kelebihannya
- e. Bab adab ketika makan dan minum

Secara zahirnya, perkaitan antara tajuk mungkin tidak dapat dilihat secara zahir kerana bercampur antara bab kematian, kemudian bab falak dan kepada bab fiqh. Amalan bekal selepas kematian merujuk kepada amalan-amalan atau ibadah yang dilakukan oleh orang hidup untuk manfaat atau pahala yang boleh diterima oleh orang yang telah meninggal dunia. Antaranya ialah memberi sedekah walaupun atas nama orang yang telah meninggal dunia, seperti menyumbang kepada rumah anak yatim, membiayai pembangunan masjid, atau membantu mereka yang memerlukan, boleh menjadi bekal pahala untuk orang yang telah meninggal. Jika seseorang meninggal dunia, amalan soleh yang dilakukan semasa hidupnya akan diterima pahala selama ia berterusan memberi manfaat, seperti ilmu yang bermanfaat,

buku yang diterbitkan, atau sumbangan amal. Amalan-amalan ini bukan hanya memberi manfaat kepada orang yang telah meninggal dunia tetapi juga membantu orang yang masih hidup untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dan mendapatkan ganjaran pahala (Muhammad Mustaqim, 2018). Maka rasional daripada susunan bab yang dilakukan oleh Syeikh Abdul Qadir ini dapat difahami bahawa semua yang hidup akan binasa termasuk alam ini. Sebagai bekalan ke alam akhirat mesti memerlukan bekalan iaitu amalan-amalan yang dilakukan di dunia.

PANDANGAN FIQAH SYEIKH ABDUL QADIR BUKIT BAYAS DALAM KITABNYA

Pemikiran merupakan aktiviti yang dilakukan oleh manusia hampir sepanjang masa dan boleh menunjukkan bagaimana ia berfungsi dalam kehidupan sehari-hari (Daniel Kahneman, 2011). Pemikiran merujuk kepada segala yang berlaku dalam minda manusia. Keistimewaan manusia berbanding makhluk lain terletak pada akal yang dikurniakan, yang membezakan mereka secara kualitatif daripada haiwan. Akal atau minda ini merupakan sumber utama ilmu intelek. Syeikh Abdul Qadir dalam *Kitab Mir'at Al-Mu'min Wa Tadkirah Li Al Ghafilin* menunjukkan pentingnya pemikiran yang dipandu oleh wahyu serta syarak bertujuan untuk meningkatkan iman sehingga diletakkan satu perbincangan tentang faedah berfikir. Ini menunjukkan bahawa dalam Islam, pemikiran bukan sahaja melibatkan proses intelektual tetapi juga spiritual. Akal digunakan untuk mendekatkan diri kepada Allah dan mencapai kebahagiaan yang abadi.

Perkara yang perlu diutamakan ketika membincangkan hukum syarak adalah pemahaman yang jelas mengenai kaedah pengistinbatan atau pengeluaran hukum mengikut dalil-dalil syarak khususnya dalil syarak yang disepakati. Ayat al-Quran dan al-sunnah digunakan secara meluas oleh Syeikh Abdul Qadir dalam penulisannya. Contohnya, ayat al-Quran tentang memilih sedekah daripada harta yang paling disayangi dan hadis Nabi SAW bertaubat sebanyak seratus kali setiap hari iaitu hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim ketika membahaskan berkenaan bab taubat. Syeikh Abdul Qadir dalam penulisannya juga menggunakan qias dalam masalah sampai atau tidak pahala bacaan al-Quran kepada mayat. Beliau berkata:

al-Quran:

لَن تَنْلَا الْبَرَ حَتَّى تُنْفِرُ مَا لَحِيْوَنَ ۝

Ertinya: Tidak dapat kamu akan kebajikan hingga kamu belanjakan daripada harta yang kamu kasih (Surah Ali Imran, Ayat 92)

al-Hadith:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ ثُبُّو إِلَى اللَّهِ، فَإِنِّي لَوْبُ، فِي الْيَوْمِ إِلَيْهِ مَا لَهُ، مَوْءُودٌ

Ertinya: Wahai segala manusia, taubatlah kamu kepada Allah. Maka bahawa sesungguhnya aku telah aku bertaubat kepada-Nya, di dalam sehari sebanyak seratus kali (Hadis riwayat Muslim dalam Sahih Muslim, 2702).

Qiyas:

‘Dan mengambil dalillah mereka itu atas sampai pahala Quran itu bagi mayat itu dengan qiyas atas barang yang telah terdahulu daripada doa dan sedekah dan puasa dan haji dan memerdekaan hamba baginya. Maka sesungguhnya tiada farq (perbezaan)’.

Ini menunjukkan pendekatan beliau dalam kaedah pengistinbatan hukum dengan mengikuti urutan dalil yang perlu dipatuhi yang dimulai dengan al-Quran. Jika tidak terdapat dalam al-Quran, dalil kedua yang dirujuk ialah hadis Nabi Muhammad SAW. Selepas itu, *ijma'* dijadikan rujukan, dan kemudian barulah digunakan *qiyas*. Begitulah seterusnya seperti yang diterangkan dalam kitab-kitab usul fikah yang muktabar. Inilah yang dimaksudkan oleh Imam al-Shafi'i dalam *al-Risalah* dengan katanya:

Allah (s.w.t) tidak mengizinkan bagi sesiapa selepas Nabi Muhammad (s.a.w) untuk mengeluarkan pandangan tanpa merujuk kepada jihat al-ilm dan yang dimaksudkan dengan jihat al-ilm selepas Nabi Muhammad (s.a.w) ialah al-Quran, al-Sunnah, *ijma'*, al-athar dan yang aku (iaitu imam syafi'i) sifatkan sebagai qiyas ke atasnya.(Al-Shafi'i, 1993)

Status hadis yang digunakan oleh Syeikh Abdul Qadir dalam kitabnya merangkumi hadis-hadis sahih, hasan dan daif pada bab amalan sahaja yang dibolehkan oleh Mazhab Syafi'i pada perkara *fadhail amal* (Muhammad Mustaqim, 2018). Penggunaan hadis *daif* dalam konteks *fadhail amal* memang menjadi topik penting dalam kajian hadis dan pemikiran ulama. Ulama seperti Imam Ahmad bin Hanbal, Imam Al-Nawawi, dan Ibn Hajar Al-Asqalani memang membolehkan penggunaan hadis *daif* dengan syarat-syarat tertentu, seperti yang telah dijelaskan. Ini termasuk memastikan bahawa hadis tersebut tidak terlalu lemah (tidak *maudhu'*), tidak digunakan untuk menetapkan hukum syariah, dan hanya digunakan sebagai motivasi tambahan untuk amalan yang dianjurkan.

Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas sebagai seorang ulama yang berpengaruh juga menunjukkan pendekatan yang bijaksana dalam menggunakan hadis daif seperti katanya:

Dan lagi fikirkan olehmu hai segala saudara ku akan pakaian kain orang yang isi neraka seperti yang dikhabarkan oleh Jibrail bagi Nabi kita Muhammad salla Alah 'alayhi wa sallam dengan katanya: (Demi Tuhan yang membangkitkan akan dikau dengan sebenarnya jadi nabi! Jikalau menzahirkan Ia akan api neraka itu seumpama besar lubang jarum daripadanya, nescaya terbakarlah sekalian isi dunia ini daripada pananya. Dan demi Tuhan yang membangkitkan akan dikau dengan sebenarnya jadi nabi! Jikalau bahawa sesungguhnya suatu hasta daripada rantai yang disebutkan akan dia oleh Allah Taala di dalam Quran-Nya itu dihantarkan atas bukit, nescaya hancurlah demikian bukit itu hingga sampai ia pada bumi yang ketujuh lapis. Dan demi Tuhan yang membangkitkan akan dikau dengan sebenarnya jadi nabi! Jikalau bahawa sesungguhnya seorang laki-laki diseksa ia pada pihak maghrib, nescaya terbakarlah yang pada pihak

mashriq daripada sangat keras azabnya. Maka panasnya api neraka itu amat sangat dan bawahnya sangat jauh dan kayunya itu segala besi dan minumannya itu hamim iaitu air yang sangat hangat dan sadid dan kain segala orang yang di dalam neraka itu qatr al-niran.(Hadis dihukumkan *daif* didalam kitab *Tanbihul Ghafilan* oleh Imam Abu Layth Al Samarqandi).

Karya beliau, seperti yang terlihat dalam Kitab *Mir'at Al-Mu'min Wa Tadhkirah Li Al Ghafilan*, mencerminkan pemahaman yang mendalam tentang bagaimana menggunakan hadis *daif* dalam konteks yang sesuai. Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas memahami pentingnya konteks dalam penggunaan hadis *daif*. Beliau memanfaatkan hadis-hadis ini untuk menginspirasi umat dalam melaksanakan amalan-amalan yang dianjurkan, terutamanya dalam konteks meningkatkan ibadah. Ini selaras dengan pandangan ulama-ulama klasik yang mengizinkan penggunaan hadis *daif* untuk *fadhail amal* selama tidak digunakan untuk menetapkan hukum syariah.

Walaupun penggunaannya dibenarkan dalam konteks tertentu, ulama sering mengingatkan tentang berhati-hati dalam mengamalkan hadis *daif*, terutama dalam memastikan bahawa hadis tersebut tidak menjadi sumber utama bagi amalan yang dilakukan (Ibn Hajar al-Asqalani, 1932).

Antara pandangan fiqh Syeikh Abdul Qadir yang lain ialah beliau amat teliti dalam memilih hukum yang ingin disampaikan sesuai dengan pegangan amalan masyarakat setempat yang mengikut Mazhab Syafi'i. Syeikh Abdul Qadir mendirikan institusi pengajian pondok di Bukit Bayas, yang menjadi pusat ilmu dan penyebaran Mazhab Syafi'i. Beliau mengajar fiqh, usuluddin, tasawuf, dan pelbagai bidang lain yang berlandaskan ajaran Mazhab Syafi'i kepada para pelajar dan masyarakat setempat. Pondok ini menjadi pusat rujukan dan pendidikan Islam yang penting, melahirkan ramai ulama dan cendekiawan yang kemudian menyebarkan ajaran Mazhab Syafi'i di tempat lain. Beliau menulis karya-karya dalam bahasa Melayu yang berdasarkan kepada Mazhab Syafi'i, menjadikannya mudah diakses oleh masyarakat tempatan. Karya-karya ini menjadi rujukan penting bagi masyarakat dalam memahami dan mengamalkan ajaran Islam mengikut Mazhab Syafi'i. Sebagai Mufti Terengganu, Syeikh Abdul Qadir memainkan peranan penting dalam memastikan bahawa undang-undang dan dasar-dasar kerajaan selaras dengan ajaran Mazhab Syafi'i. Ini menjadikan ajaran Mazhab Syafi'i sebagai asas kepada kehidupan beragama dan sosial di Terengganu dan mempengaruhi amalan masyarakat secara menyeluruh seperti contoh dalam karyanya:

Ada pun harta yang dihutang oleh orang itu, jika ada ia tunai padahal sukar mengambil dia kerana papanya, maka adalah hukumnya seperti harta yang dirampas orang. Maka tiada wajib mengeluarkan dia melainkan tatkala dibayarnya. Pada ketika itu wajiblah mengeluarkan zakat serta qadak sekalian tahun yang telah lalu. Dan jikalau ada hutang kepada orang itu mudah mengambil dia seperti dihutangkan atas orang yang kaya, nescaya wajiblah dikeluarkan zakatnya pada tiap-tiap sampai tahunnya dan jikalau tiada diambil hutang itu daripadanya sekalipun. Inilah yang dimuktamadkan oleh Syeikh Ibn Hajar di dalam *Tuhfah* dan Syeikh Ramli di dalam *Nihayah* dan Syeikh Khatib Sharbini di dalam *Mughni* dan Syeikhul Islam dan lainnya.

Dalam kitab *Mir'at Al-Mu'minin wa Tadhkirah li Al Ghafilin*, Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas memberikan banyak nasihat dan teguran yang halus namun tegas kepada umat Islam. Teguran-teguran ini disampaikan dengan penuh hikmah dan kelembutan. Dapat dilihat banyak hukum yang dikaitkan dengan budaya masyarakat setempat ketika itu yang ditegur oleh Syeikh Abdul Qadir dengan cara sopan dan berhikmah dalam kitabnya ini dengan katanya:

“Maka adalah kebanyakan manusia yang di bawah angin (Alam Melayu) menyangka ia apabila tiada mawjud dagangan yang dibelinya itu setahun, nescaya tiadalah wajib zakatnya perniagaan itu. Adalah yang demikian itu sangka itu tersalah yang amat besar yang tiada harus mengiktikadkan dia.

Teguran-teguran sopan ini menunjukkan betapa dalamnya pemahaman beliau terhadap psikologi manusia, teguran yang disampaikan dengan penuh kasih sayang cenderung lebih efektif dan berkesan dibandingkan teguran yang keras atau kasar.

Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas sebagai seorang ulama yang terkemuka dalam tradisi Islam di Alam Melayu, juga menggunakan pendekatan yang serupa dengan manhaj tarjih dalam mengajarkan dan menulis karya-karyanya. Sebagai seorang ulama yang mendalam ilmunya dalam bidang fiqh dan tasawuf, beliau memahami kepentingan menilai pelbagai pendapat ulama sebelum memberikan fatwa atau panduan kepada masyarakat.

Dalam karyanya ini, Syeikh Abdul Qadir sering kali menghadapi perbezaan pendapat dalam kalangan ulama mengenai isu-isu tertentu. Beliau menggunakan pendekatan tarjih untuk memilih pendapat yang dianggap paling kuat berdasarkan dalil-dalil yang ada, serta mempertimbangkan kesesuaian dengan konteks masyarakat setempat. Dalam hal-hal fiqh yang berkaitan dengan amalan harian umat Islam, seperti ibadah, muamalat, dan akhlak, Syeikh Abdul Qadir mengkaji pelbagai pandangan daripada mazhab-mazhab yang berbeza. Beliau cenderung memilih pendapat yang didukung oleh dalil yang kuat dan yang paling sesuai dengan keadaan masyarakat di Alam Melayu, yang mungkin berbeza daripada masyarakat di Timur Tengah. Dalam isu sampai pahala membaca Al-Quran kepada mayat atau tidak, Syeikh Abdul Qadir memilih pendapat sampai pahala tersebut kepada mayat walaupun bersalahan dengan mazhab Syafi'i yang beliau cenderung dalam kebanyakan keadaan seperti katanya:

Ada pun membaca Quran bagi mayat atau di atas kubur, maka iaitu bersalah-salahan ulama pada sampai pahalanya bagi mayat. Dan tersebut di dalam Sharh al-Sudur fi Ahwal al-Mawtā wa al-Qubur dengan katanya: Maka jumhur ulama salaf dan imam yang tiga iaitu Imam Hanafi dan Imam Malik dan Imam Ahmad ibn Hanbal mengatakan sampai pahala Quran itu bagi mayat. Dan menyalahi pada demikian itu oleh Imam kita Shafi'i radiya Allah 'anhu padahal mengambil dalil ia dengan firman Allah Taala:

وَأَن لَّيْسَ لِلْمُسْتَنِ إِلَّا مَا سَعَىٰ

Ertinya: Dan bahawa sesungguhnya tiada bagi manusia itu melainkan barang yang berusaha ia.

Dan telah menjawab oleh mereka itu daripada ayat ini dengan beberapa wajah.salah suatunya bahawa sesungguhnya ayat ini sudah mansukh hukumnya dengan firman Allah Taala.

وَالَّذِينَ آمَنُوا وَلَبَّيْعُهُمْ دِرِيَّهُمْ بِإِيمَانِ الْحَقَّا بِهِمْ دِرِيَّهُمْ وَمَا اللَّهُمْ مِنْ عَلَيْهِمْ إِنْ شَئْتُ „

Ertinya: Bermula segala mereka yang percaya mereka itu dan kami ikutkan akan segala anak cucu mereka itu yakni kecil dan besar dengan iman daripada yang besar yakni Kami hubungkan akan segala anak-anak mereka itu yang kecil sebab iman segala bapanya kerana bahawa sesungguhnya anak yang kecil itu dihukumkan Islamnya mengikut salah suatu daripada dua ibu bapanya, dan yang besar dengan iman mereka itu bagi diri mereka itu, nescaya Kami hubungkan dengan mereka itu yang mukmin akan segala anak cucu mereka itu yang tersebut itu dalam syurga. Maka jadilah segala anak-anak mereka itu di dalam darjat bapa mereka itu dan jika lau tiada mengerjakan amal mereka itu sekalipun sebab amal bapa mereka itu kerana memuliakan bagi bapa mereka itu dengan dihimpunkan segala anak-anak mereka itu kepada darjat mereka itu dan tiada kami kurangkan akan mereka itu daripada amal mereka itu sesuatu juu pun, maka memasukkan Allah Taala akan segala kanak-kanak ke dalam syurga dengan kebajikan bapanya.

Dan jawab yang keduanya, bahawa sesungguhnya ayat ini tertentu dengan kaum Ibrahim dan kaum Musa salla Allah 'alà nabiyyinà wa 'alayhimà wa sallam.Maka ada pun segala umat ini, maka baginya barang yang mengusahakan ia dan barang yang diusahakan orang baginya.

Dan jawab yang ketiganya, bermula yang dikehendak dengan manusia pada ayat ini orang yang kafir. Maka ada pun orang yang mukmin, maka hasil baginya barang yang berusaha ia, dan hasil pula barang yang diusahakan orang baginya.

Dan jawab yang keempatnya, yang dikatakan tiada hasil bagi manusia itu melainkan barang yang berusaha ia itu daripada jalan adilnya. Maka ada pun daripada pihak kurnia-Nya, maka iaitu harus bahawa menambah akan dia oleh Allah Taala akan barang yang menghendak Ia.

Dan jawab yang kelimanya, bahawa sesungguhnya lam pada li al-insan itu dengan makna 'ala. Ertinya tiada atas manusia itu melainkan barang yang berusaha ia.

Dan mengambil dalillah mereka itu atas sampai pahala Quran itu bagi mayat itu dengan kias atas barang yang telah terdahulu daripada doa dan sedekah dan puasa dan haji dan memerdekaan hamba baginya. Maka bahawa sesungguhnya tiada farq.

Kemudian Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas mendatangkan pandangan-pandangan ulama dalam mazhab Syafi'i yang mengatakan sampai pahala Quran itu bagi mayat dengan katanya:

Dan sesungguhnya telah adalah Syeikh 'Izz al-Din ibn Abd al-Salam memberi fatwa ia dengan bahawa sesungguhnya pekerjaan Quran itu tiada sampai kepada mayat oleh pahalanya barang yang dibaca Quran. Maka tatkala mati ia, melihatlah akan dia oleh setengah daripada segala sahabatnya.

Maka berkata ia: Bahawa sesungguhnya engkau adalah engkau berkata bahawa sesungguhnya tiada sampai kepada mayat oleh pahala barang yang dibaca atau barang yang dihadiahkan kepada mayat. Maka betapa pekerjaan yang telah engkau kata itu? Maka menjawab oleh Syeikh 'Izz al-Din baginya: Adalah aku telah aku berkata yang demikian itu di dalam negeri dunia. Dan sekarang ini maka bahawa sesungguhnya ruju-lah aku daripada fatwa demikian itu bagi barang yang aku lihat daripada kemuliaan Allah Taala pada demikian itu, dan bahawa sesungguhnya ia sampai kepada mayat itu oleh yang demikian pahala Quran.

Dan ada pun membaca Quran di atas kubur, maka jazamlah dengan suruhnya oleh segala sahabat kita dan lain daripada mereka itu. Dan telah berkata Za'faran: Aku bertanya akan Shafi'i radiya Allah 'anhu daripada membaca Quran di atas kubur, maka menjawab ia: Tiada mengapa dengan dia. Dan telah berkata Imam Nawawi di dalam Sharh Muhadhdhab: Disunatkan bagi orang yang ziarah kubur itu bahawa membaca ia barang yang sedapatnya daripada Quran, dan mendoa ia bagi mereka itu, mengiring-ngiringnya nassa 'alayhi al-Shafi. Dan telah muafakatlah atas segala sahabat kita dan telah melebihi ia pada tempat yang lain pula dengan katanya: Dan jikalau meng-khatam-kan mereka itu akan Quran atas kubur, nescaya adalah yang demikian itu terlebih afdhal.

Dan adalah Imam Ahmad in Hanbal ingkar ia akan yang demikian itu mula-mulanya sekira-kira tiada sampai akan dia padanya athar. Kemudian daripada itu, ruju' ia tatkala sampai athar akan dia,

Dan telah menyebutkan oleh Syeikh Ibn Hajar di dalam Tuhfah-nya: Dan sesungguhnya me-nas-kan oleh Imam Shafi'i dan sekalian sahabanya atas sunat membaca Quran barang sedapatnya kepada mayat, dan membaca doa mengiring-ngiringnya ertinya kerana bahawa sesungguhnya ketika itu telah diharap bagi ijabah-nya dan kerana bahawa sesungguhnya mayat itu mengenai akan dia oleh berkat Quran itu seperti orang yang hadir, intaha.

Dan akhir sekali, Syeikh Abdul Qadir Bukit mentarjihkan pendapat yang mengatakan sampai pahala Quran itu bagi mayat tetapi memerlukan niat melalui pendapat ulama dalam mazhab Syafi'i dengan katanya:

Ada pun kata Imam Nawawi di dalam Sharh Muslim tiada sampai pahala Quran bagi mayat itu, telah menanggungkan oleh beberapa ulama apabila dibaca tiada hadir mayat dan tiada berniat oleh orang yang membaca itu akan pahala baginya atau berniat ia akan dia dan padahal tiada membaca doa ia baginya. Ada pun apabila mayat hadir, maka iaitu hasil pahala qira' ah-nya' apabila dibacakan doa baginya. Dan demikian lagi baca di atas kubur. Maka adalah hukumnya seperti

yang hadir pada meliput rahmat yang turun ia tatkala membaca Quran baginya. Al-hasilnya, membaca Quran atas mayat apabila tiada dibaca doa kemudiannya, nescaya tiada hasil pahala qirā'ah bagi mayat itu, dan jikalau mayat itu hadir sekalipun. Bersalah semata-mata manfaat, maka hasil juga dengan niat menyampaikan pahala baginya.

Manhaj tarjih Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas dalam kitab *Mir'at Al- Mu'minin Wa Tadhkhirah Li Al Ghafilin* menekankan pendekatan yang teliti dan berlandaskan sumber-sumber utama dalam Mazhab Syafi'i. Beliau cenderung untuk menggunakan kaedah yang mendalam dalam memilih pandangan yang paling kuat dan sesuai dengan konteks masyarakat setempat. Pendekatan ini tidak hanya berpegang pada dalil yang kuat daripada al-Quran dan hadis, tetapi juga mempertimbangkan ijmak, qiyas, dan kaedah-kaedah usul fiqah lain yang muktamad dalam Mazhab Syafi'i. Walaupun pada awalnya Syeikh Abdul Qadir membawa nukilan daripada Imam Suyuti dalam kitabnya tentang perbezaan hukum sampai atau tidak pahala bacaan al-Quran kepada mayat antara imam bagi ketiga-tiga imam mazhab dan Imam Syafi'i. Pendapat Imam Syafi'i yang dibawa pada awalnya mengatakan tidak sampai pahala bacaan Al-Quran kepada mayat, namun Syeikh Abdul Qadir mendatangkan hujah yang mengatakan sampai pahala bacaan Al-Quran kepada mayat melalui nukilan-nukilan daripada ulama-ulama mazhab Syafi'i setelahnya seperti yang dinyatakan.

KESIMPULAN

Sebagai penutup, pandangan fiqah Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas menonjol sebagai salah satu warisan intelektual dalam sejarah Islam di Terengganu dan Alam Melayu. Beliau tidak hanya dikenali sebagai seorang ulama yang mendalam ilmunya, tetapi juga sebagai seorang yang berperanan besar dalam menyebarkan ajaran Islam menurut mazhab Syafi'i. Pandangan fiqah beliau yang terpancar melalui karya-karya beliau menunjukkan betapa beliau memegang teguh prinsip-prinsip istinbat hukum yang berdasarkan kepada al-Quran, al-Sunnah, ijma', dan qiyas. Sebagai Mufti Terengganu, beliau berjaya mengintegrasikan ajaran agama ke dalam struktur pemerintahan negeri, menjadikannya seorang tokoh yang dihormati dan dirujuk dalam urusan agama dan undang-undang.

Institusi pengajian yang diasaskan oleh beliau di Bukit Bayas menjadi pusat penyebaran ilmu, memperkuatkan lagi peranan beliau dalam mendidik dan membimbing masyarakat setempat. Sumbangan beliau terus dikenang sebagai contoh ketokohan ulama yang berjasa besar kepada agama, bangsa, dan negara. Pandangan fiqah dan warisan beliau kekal relevan, menjadi inspirasi bagi generasi seterusnya dalam menegakkan ajaran Islam yang murni.

RUJUKAN

- Ahmad Fathy Al-Fatani (2002). *Ulama Besar Dari Patani*. Bangi: Penerbit UKM
Daniel Kahneman. (2011). *Thinking Slow and Fast*: Farrar, Straus and Giroux
Hasanulddin Mohd (2017). The Contribution of Shaykh Abdul Qadir Bukit Bayas in Islamic Jurisprudence and Social Harmony, *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*

- Hasanulddin Mohd (2014). *Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas: Ulama Terengganu Abad Ke-19*. Kuala Terengganu: Penerbit UNISZA.
- Ibn Hajar al-Asqalani (1932). *Tabyin al-'Ajab fīma Wārada fī Fadl Rajab*. Maktabah al-Thaqafah al-Diniyyah.
- Mohd Ridzuan Mohamad (2023). *Kajian Manuskip Wakaf Syeikh Abdul Kadir Bukit Bayas Di Terengganu*. Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)
- Mohd Shaghir Abdullah (1997). *Data Kitab Risalah Bayani Hukmil Bai'i War Riba Syeikh 'Abdul Qadir Bin 'Abdur Rahim Al-Fathani*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah,
- Muhammad Farid Wajdi (2021) *Pengaruh Kitab Fiqah Jawi di Alam Melayu: Pengenalan Terhadap Manuskip Arkān al-Šolāt*, Sains Insani
- Muhammad Mustaqim Mohd Zarif & Abdulloh Salleh (2018) *Mir'āt Al-Mu'minīn Wa Tadhkirah Li Al-Ghāfiṭīn: kajian dan naskhah suntingan*. Bandar Baru Nilai: Penerbit USIM
- Muhammad Mustaqim Mohd Zarif. (2017). *Mir'āt Al-Mu'minīn Wa Tadhkirah Li Al Ghāfiṭīn: Pengenalan Manuskip Nadir Karya Syeikh Abdul Qadir Bin Abdul Rahim Terengganu Dan Kepentingannya. Wacana Manuskip Melayu e-prosiding*, Perpustakaan Negara Malaysia
- Rosdi Nik Ahmad. (2011). *Ilmuan Nusantara: Mutiara Ilmu Tanah Serumpun*, Selongor: PTS Islamika Sdn Bhd.
- Shahril Talib (1995). *History of Terengganu: An Introduction*, Dewan Bahasa dan Pustaka,
- al-Shafi'i (1993). *al-Risalah*. Beirut: Dar al-Maktabah al-'Alamiyah
- Wan Mohd Shaghir Abdullah (1997). *Koleksi Kitab Risalah Fi Bayani Hukmil Bai'I War Riba Syeikh Abdul Qadir Bin Abdur Rahim Al-Fathani/Bukit Bayas*, Terengganu (Koleksi Nadir). Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Zurita Mohd Yusoff. (2019). Sumbangan Syeikh Malik Bin Abdullah dan Keturunannya dalam Pengajian Pondok di Terengganu dan Kelantan. *Proceedings of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management*.